


PERHATIKAN
PLEASE NOTE **EMBARGO**

EMBARGO:

PEN. 11/77/1 (TFM)
Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 6.30 petang pada 24.11.77.



Jamil

DATO' SERI DR. MAHATHIR RESMI PERSIDANGAN
KESATUAN PERKHIDMATAN TEKNIK

Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri di Upacara Perasmian Persidangan Perwakilan Dua Tahun Sekali, Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia, di Hotel Hilton, pada hari Khamis 24hb. November, 1977 jam 5.30 petang.

Saya mengucapkan berbilang terimakasih kerana kehormatan yang tidak terhingga yang diberi kepada saya oleh Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia yang menjemput saya untuk hadir dan merasmikan Persidangan Perwakilan Dua Tahun Sekali pada hari ini. Saya yakin bahawa tujuan Kesatuan menjemput saya ialah untuk mendekat dan mengukuh perhubungan antara Kerajaan dengan Kesatuan. Isi kandungan Laporan Dua Tahun Kesatuan jelas membuktikan hasrat dan niat Kesatuan.

Negara Malaysia telah merdeka lebih 20 tahun. Ramai juga negara-negara lain yang merdeka sama lamanya dengan Malaysia. Tetapi nasib penduduk sesebuah negara tidak terjamin semata-mata dengan tercapainya kemerdekaan. Kemerdekaan boleh membawa perubahan yang merugikan penduduk.

Di Malaysia kita sedar bahawa kita gagal memenuhi seratus peratus kehendak semua pihak. Kita sedar kita tidak memenuhi kehendak pekerja Kerajaan, terutama mereka yang terlatih sebagai Juruteknik. Tetapi saya tidak tahu suatu pun negara yang dapat memenuhi kehendak rakyat sepenuhnya.

Ada negara yang membayar gaji 10 kali lebih dari kita di Malaysia dan memberi berbagai kemudahan. Tetapi negara itu juga menghadapi masalah yang sama dengan kita, iaitu pekerja mereka bukan sahaja tidak puashati tetapi mogok sepanjang masa sehingga negara jadi bankrap. Tiap-tiap tahun tuntutan dibuat dan mogok dan lain-lain tindakan perusahaan diadakan.

Undang-undang buruh di negara-negara ini liberal sekali. Boleh kata apa saja yang nak dibuat boleh buat. Jikalau nak biar rumah terbakar atau orang sakit tidak dirawat pun boleh. Jika ekonomi negara hancur pun boleh. Jika keselamatan negara terancam pun boleh. Segalagalanya dibenar untuk memenuhi kehendak hati pekerja semua lapisan. Tetapi ini pun tidak berjaya mengurangkan pertikaian antara majikan dengan pekerja. Ini pun tidak menjadikan pekerja riang gembira. Sebenarnya lebih banyak rintihan dan kecaman didengar. Dan negara yang dahulu kaya raya menjadi papa kedana. Tidak siana menghormati negara itu atau warganegaranya. Kalau dahulu mereka mengecapkan orang lain sebagai pemalas, sekarang mereka dipanggil pemalas oleh seluruh dunia. Yang aneh sekali ialah hasil yang didapati oleh pekerja yang mengambil kesempatan undang-undang yang liberal dan menuntut gaji yang lebih tinggi. Tiap-tiap kali mereka dapat kenaikan gaji, harga matawang mereka turun. Apakah maknanya gaji naik dari 100 ke 200 jika harga matawang turun menjadi separuh sahaja dari harga dahulu. Sebenarnya tidak ada kenaikan. 200 sebenarnya berharga 100. Dan jika kenaikan

(tambahan)

harga barang pula diambilkira 200 ini tidak dapat membeli sebanyak 100 dahulu. Yang jelas ialah segala usaha pekerja memogok dan sebagainya menjadi sia-sia. Tuntutan untuk pendapatan yang lebih cuma bermakna jika cost of living tidak meningkat sama atau lebih cepat dari kenaikan gaji. Di negara ini saya cabar sesiapa yang boleh menunjuk bahawa standard of living pekerja bergaji terutama yang gaji rendah sudah merosot sejak merdeka akibat undang-undang buruh yang ada. Bahawa gaji mereka tidak cukup untuk membeli semua yang mereka ingin membeli, ini saya mengaku. Bahawa gaji mereka tidak cukup untuk membeli semua yang mereka ingin membeli, ini saya mengaku. Bahawa gaji mereka tidak memuaskan kehendak hati mereka ini saya mengaku. Tetapi adalah tidak benar taraf kehidupan atau standard of living mereka, sudah merosot. Undang-undang Buruh dalam negara ini memberi peluang kepada pekerja menuntut hak yang berpatutan. Tetapi negara dan rakyat tidak ingin undang-undang yang memberi hak yang keterlaluan kepada kaum buruh sehingga orang lain menderitanya, hidup selalu terancam, tidak boleh mencari makan dan sebagainya. Negara dan rakyat tidak rela membuat undang-undang yang boleh merosakkan ekonomi negara. Sudah tentu negara ini tidak akan tiru undang-undang yang kita tahu telahpun menyebabkan negara lain menjadi lemah, kucar-kacir dan miskin.

Penduduk negara ini bukan semuanya makan gaji. Lebih ramai dari mereka bekerja sendiri dengan pendapatan yang tidak terjamin. Nelayan, penanam padi, penjaja dan penarik beca benar-benar kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Di waktu curfew diadakan di Kota Bharu baru-baru ini penjaja dan penarik beca tidak ada pendapatan samasekali. Sebaliknya selain dari polis dan beberapa pegawai tertentu, bagi lain-lain pekerja yang bergaji, curfew cuma merupakan cuti istimewa sahaja - gaji terus berjalan walaupun kerja tidak payah ditunaikan.

Bagi orang yang bekerja sendiri, jikalau jatuh sakit pendapatan mereka terputus. Tetapi seolah-olah putusnya pendapatan tidak mencukupi, mereka terpaksa pula membelanja lebih kerana memerlukan rawatan.

Orang-orang yang menganggur pula, jangan kata nak kais pagi makan pagi, tetapi untuk makan biasapun terpaksa menumpang saudara-mara yang biasanya tidak begitu mampu menolong mereka. Hari demi hari mereka berharap akan diambil sebagai pekerja, tidak peduli apa juga gaji. Ada ramai majikan yang sanggup mengambil mereka ini bekerja tetapi majikan ini takut undang-undang buruh dan takut juga kepada setengah-setengah pemimpin Kesatuan yang cuma menanti peluang sahaja untuk menimbulkan masalah. Oleh itu yang menganggur terus menganggur.

Kerajaan bertanggungjawab bukan sahaja kepada kakitangannya, bukan sahaja kepada pekerja-pekerja yang mendapat gaji tetap. Kerajaan juga bertanggungjawab kepada nelayan, peladang, penjaja dan lebih-lebih lagi penganggur. Undang-undang negara yang menjaga kepentingan orang yang sudah bekerja dan membelakangkan kepentingan dan hak orang lain tidak boleh diterima oleh Kerajaan. Begitu juga Kerajaan tidak akan membenarkan kacau-bilau diadakan untuk kepentingan satu golongan rakyat sahaja. Semua rakyat mempunyai hak mencari perlindungan dari Kerajaan. Kerajaan ini memberi jaminan untuk melindungi semua golongan rakyat. Kerajaan akan melindungi hak pekerja tetapi Kerajaan juga akan melindungi hak golongan-golongan lain, hak nelayan yang tidak ke laut kerana ribut, hak petani yang dilanda oleh malapetaka, hak penjaja dari kesan huru-hara dan ketidakstabilan, hak penganggur dari tekanan tidak bertambahnya peluang bekerja.

Sikap Kerajaan ini adalah jelas. Disamping kita tidak suka lihat majikan menindas pekerja, kita juga tidak suka lihat pekerja menindas orang lain. Kita tidak memihak kepada mana-mana satu pihak.

(tambahan)

PEN. 11/77/156 (TPM)
(hubungan 3)

Kita memihak cuma kepada negara dan rakyat keseluruhannya, baik apa juga kaum, baik tinggi atau rendah, baik bergaji atau pun tidak.

Saya harap penjelasan ini akan jadi panduan kepada semua pihak, sama ada majikan atau pekerja. Semua undang-undang di dalam negara ini adalah untuk kepentingan semua pihak. Lebih tepat lagi semua undang-undang adalah untuk kebaikan negara. Tidak akan ada undang-undang yang berat sebelah di negara ini.

Saya biasa dengar bahawa Kesatuan Perkhidmatan Teknik ini ialah yang militan sekali diantara Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam. Saya tidak percaya bahawa ini adalah benar. Saya yakin Encik Rangunathan, sebagai seorang pemimpin Kesatuan yang berkalibar besar, tidak akan memberi imej yang tetap menjadi semua tuntutan yang dibuat oleh Kesatuan ini sebagai keterlaluan. Imej seperti ini cuma akan menjejaskan hasrat Kesatuan, walaupun berita berkenaannya akan selalu tersiar di surat khabar dan ahli-ahlinya terkenal kerana cekap melukis berbagai jenis kartun yang menarik. Oleh itu saya percaya Kesatuan ini akan menjadi contoh dan tauladan yang baik kepada Kesatuan-kesatuan lain dalam usaha meletak kepentingan negara lebih tinggi dari kepentingan diri.

Saya telah bercakap dengan panjang lebar berkenaan dengan perkara-perkara yang mungkin diminati oleh semua kaum pekerja. Saya mengucapkan terimakasih kepada Kesatuan kerana memberi peluang ini kepada saya. Saya sungguh sanjung tinggi kehormatan merasmikan perhimpunan ini.

Dengan harapan bahawa perhimpunan ini akan mencapai kejayaan, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Persidangan ini dibuka dengan rasminya.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
24hb. November, 1977. (dikeluarkan pada pukul 1.00 t/hari)

mav/maz
